

MBJB kutip hasil RM246.7j tahun lalu

Utusan Malaysia 31/1/15

Oleh AZIZI MAJID

pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 30 JAN.

MAJLIS Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berjaya mengutip hasil sebanyak RM246.7 juta sepanjang tahun lalu dengan RM134.47 juta adalah hasil cukai, RM71.1 juta hasil bukan cukai dan RM41.7 juta bagi terimaan bukan hasil.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Abdul Rahman Mohamed Dewam berkata, sejumlah RM159.9 juta dibelanjakan bagi pengurusan MBJB membabitkan pembangunan kemudahan awam, perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal serta kemudahan pengairan, kawalan banjir dan pembedungan.

“Selepas ditolak hasil pendapatan yang diperolehi dengan jumlah keseluruhan baki sebelum ditolak tanggungan semasa adalah seba-



ABDUL RAHMAN

nyak RM22.2 juta.

“Bagaimanapun, MBJB masih lagi mempunyai beberapa perbelanjaan tanggungan yang perlu dijelaskan namun masih dalam jumlah yang terkawal dan mampu ditanggung baki semasa,” katanya semasa mempengerusikan Mesyuarat Pe-

nah MBJB di sini semalam.

Menurut Abdul Rahman, secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan MBJB sepanjang tahun lalu adalah kompetitif, mematuhi sasaran anggaran perbelanjaan dan mengikut perancangan kewangan iaitu perbelanjaan berdasarkan hasil yang diperolehi.

Justeru, katanya, menjadi iltizam kepada pihaknya untuk mempelbagaikan sumber yang boleh menjana hasil pendapatan, mempertingkatkan pendapatan untuk pengurusan dan pembangunan serta memastikan perbelanjaan dilakukan secara berhemah.

Dalam pada itu, beliau berkata, MBJB juga berjaya mengekalkan Sijil Amalan 5S pada tahun lalu sejak memperolehinya dua tahun sebelum itu dan berharap ia dapat dikekalkan kerana mampu memberikan keberhasilan kerja yang mantap kepada organisasi berkenaan.